



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KOHESI DALAM NOVEL TAMIL 'AKAL VIL:AKKU'***

**MARIAPPAN A/L KATTAIYAN**

**FBMK 2022 16**



## **KOHESI DALAM NOVEL TAMIL 'AKAL VIL:AKKU'**

Oleh

**MARIAPPAN A/L KATTAIYAN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**September 2021**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga daripada hari ini buat insan teristimewa dalam hidupku ini:

***Ibu Bapa tersayang***  
*Kattaiyan a/l Nadeson*  
&  
*Mendiang Mariammah a/p Ramaiah*

***Isteri tersayang***  
*Jamuna a/p Selladurai*

***Pensyarah yang dihormati***  
*Prof Dato Dr.Paramasivam, Dr. Veeramohan*  
&  
*Prof. Dr. Thanaletchumy & Prof Dr. Normaliza*

*Sanah saudara terdekat,  
kakak Pn. Murugamma,  
kakak ipar Pn. Jayamalar.*

*Terima kasih sekali lagi diucapkan atas segala-galanya*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## KOHESI DALAM NOVEL TAMIL 'AKAL VIL:AKKU'

Oleh

**MARIAPPAN A/L KATTAIYAN**

September 2021

**Pengerusi : Profesor Paramasivam a/l Mutthusamy, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Konsep kohesi merupakan konsep semantik yang menunjukkan hubungan makna yang wujud dalam wacana. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek kohesi dalam novel Tamil '*Akal vil:akku*'. Pengkaji merungkai jenis kohesi dan perbandingan antara jenis kohesi tersebut, serta menjelaskan rasional kehadiran unsur kohesi dalam novel Tamil '*Akal vil:akku*' yang dikarang oleh Mu.Varatharasan (Mu.Va). Novel ini dijadikan sebagai bahan kajian dalam penyelidikan ini setelah dianggap ada kepentingan untuk merungkai persoalan kajian ini berdasarkan permasalahan kajian yang dikenal pasti. Novel ini merupakan salah satu komponen utama dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi subjek Kesusasteraan Tamil dalam Peperiksaan Awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pengkaji meneruskan hasrat dalam mengkaji bagaimana teks novel ini ditunen dan sejauh mana teks ini mudah difahami oleh murid-murid untuk membina idea mengarang jawapan dalam SPM. Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976) digunakan untuk merungkai objektif kajian ini. Teori Kohesi Halliday dan Hasan (1976) diperlihatkan melalui nahuan dan leksikal. Kohesi Nahuan dilihat melalui beberapa kaedah seperti rujukan, penggantian, penghilangan dan penghubungan. Manakala, Kohesi Leksikal dilihat melalui kaedah pernyataan semula leksikal dan kolokasi. Teori Kohesi ini digunakan untuk menganalisis data kajian, iaitu novel Tamil '*Akal vil:akku*' yang mempunyai 412 halaman, yang dipecahkan kepada 27 bab. Semua bab dalam novel ini dianalisis dengan kaedah kualitatif, kaedah kepustakaan, pemilihan sampel kajian dan prosedur kajian ditetapkan. Data kajian dianalisis dengan setiap unsur kohesi yang dikenal pasti melalui pembacaan, dan dipamerkan melalui jadual supaya kekerapan kehadiran setiap unsur kohesi dapat dilihat, dan seterusnya perbandingan antara kohesi dibuat dan rasional kehadiran kohesi diperjelas. Kajian ini diharapkan akan memberi manfaat kepada warga penulis novel Tamil, murid-murid sekolah, kolej dan universiti serta pengkaji masa hadapan dalam dunia analisis wacana. Ini kerana sesuatu wacana yang utuh akan mempamerkan ciri kohesi. Dalam hasil kajian ini, dapat dilihat bahawa novel '*Akal vil:akku*' memperlihatkan

kehadiran semua unsur kohesi. Kohesi Nahuan mendominasi novel ini dengan kekerapan kehadiran yang lebih banyak berbanding dengan Kohesi Leksikal. Ini dapat dilihat menerusi kehadiran subunsur kohesi nahuan yang kerap hadir, seperti rujukan personal, penghubung penambah, penghilangan namaan. Ini jelas menunjukkan bahawa novel ini dikarang dengan aspek tatabahasa diberikan keutamaan supaya idea penceritaan dalam novel ini dialirkan bagi tujuan mudah difahami oleh pembaca. Dengan ini dicadangkan bahawa kajian masa depan boleh diteruskan dengan mengkaji aspek koheren, gaya bahasa, sosiobudaya dan lain lagi dalam novel Tamil ini.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **COHESION IN THE TAMIL NOVEL 'AKAL VIL:AKKU'**

By

**MARIAPPAN A/L KATTAIYAN**

**September 2021**

**Chairman : Professor Paramasivam a/l Muthusamy, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

The concept of cohesion is a semantics concept that indicates the relationship of meaning that exists in discourse. Thus, this study aims to examine the aspects of cohesion in the Tamil novel '*Akal vil:akku*'. Meantime, the researcher dissects the types of cohesion and comparisons between types of cohesion and explains the rationale for the presences of the elements of cohesion in the Tamil novel '*Akal vil:akku*' which written by Mu.Varatharasan (Mu.Va). This novel is used as research material in this research after it is considered important to unravel the research questions based on the research problems identified. Indeed, this novel is one of the main components in the Secondary School Standard Curriculum (KSSM) for the subject of Tamil Literature in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Public Examination. Thus, the researcher continues the intention in studying how the text of this novel is woven and the extent to which this text is easily understood by students to build ideas in composing answers in SPM. Meantime, the cohesion theory of Halliday and Hasan (1976) was used to unravel the objectives of this study. Halliday and Hasan's (1976) theory of cohesion is shown through grammatical and lexical. Grammatical Cohesion is seen through several methods such as reference, substitution, ellipsis and conjunction. Whereas, Lexical Cohesion is seen through the methods of lexical re-expression and collocation. This Cohesion Theory was used to analyse the study data, namely the Tamil novel '*Akal vil:akku*' which has 412 pages split into 27 chapters. All chapters in the novel are analyse with qualitative methods where the library method, selection of study samples and study procedures are set. The study data were analyse with each weaving element identified through readings and displayed through tables so that the frequency of presence of each weaving element could be seen and subsequently comparison between weaving were made and the rationale of weaving presence was clarified. This study is expected to benefit Tamil novelists, school, college and university students as well as future researchers in the world of discourse analysis. This is because an intact discourse will exhibit the characteristics of weaving. In the results of this study,

it can be seen that the novel '*Akal vil:akku*' shows the presence of all elements of weaving where Grammatical Cohesion dominates this novel with a greater frequency of presence than Lexical Cohesion. This can be seen through the presence of sub -elements of cohesion that are often present such as personal references, additive, ellipsis of nouns. This clearly shows that this novel is written with grammatical aspects given priority so that the idea of storytelling in this novel is flowed for the purpose of being easily understood by the reader. Hereby suggested that future studies can be continued by studying the aspects of coherence, language style, socioculture and others about this Tamil novel.





## **PENGHARGAAN**

Dengan penuh kesyukuran dan keimanan, saya mendahulukan kata-kata terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuhan yang maha berkuasa yang sememangnya melancarkan perjalanan tesis saya selama 3 tahun. Jutaan terima kasih juga dikalungkan kepada penyelia tesis saya Profesor Datuk Dr. Paramasivam a/l Mutthusamy, PhD yang sentiasa memberikan panduan, dari bermulanya proses memilih tajuk tesis sehinggalah selesai menyiapkan tesis saya. Tidak dilupakan juga, kerjasama dan sokongan yang lelah diberikan oleh beliau dalam menghasilkan tesis saya. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr.Veeramohan, Prof.Dr Thanalechumy, Prof Dr.Normaliza. dan pensyarah lain yang pernah 'membuka mata' saya dalam menyiapkan tesis ini.

Sebelum terlambat, ingin saya menulis nama dengan mengenang jasa dan budi yang ditaburkan oleh ayah saya, En.Kattaiyan dan ibu saya , Mendiang Pn. R.Mariamah, yang kedua-duanya sentiasa berada di sisi saya dengan kata-kata pedoman hidupnya yang membantu saya. Tidak dilupakan juga isteriku dan ahli keluarga lain yang turut memberikan sumbangan moral kepada saya.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan saya di kelas, kolej, dan sebagainya kerana dengan kerjasama dan sokongan yang diberikan secara langsung dan tidak langsung kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

**“BUDIMU DIKENANG JASAMU DIJUNJUNG”**

**MARIAPPAN A/L KATTAIYAN,**

**Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Paramasivam a/l Mutthusamy, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor and Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Date: 20 Januari 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Mariappan a/l Kattaiyan

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Profesor Dr. Paramasivam a/l Mutthusamy

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Dr. Veeramohan a/l Veeraputhran

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil	2
1.2.2 Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia	2
1.2.3 Sejarah Perkembangan Novel Tamil di Malaysia	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.6.1 Persatuan Penulis Tamil Malaysia	6
1.6.2 Murid Sekolah, Kolej dan Universiti	7
1.6.3 Penulis atau Pengarang Novel	7
1.6.4 Pengkaji Masa Depan	7
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Wacana	9
1.8.2 Kohesi	10
1.8.3 Kohesi Nahuan	11
1.8.4 Kohesi Leksikal	12
1.8.5 Novel	12
1.9 Kesimpulan	13
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>14</b>
2.1 Pengenalan	14
2.2 Kajian Kohesi dan Koheren	14
2.3 Kajian Novel Tamil	32
2.4 Jurang Penyelidikan	39
2.5 Kesimpulan	41
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>43</b>
3.1 Pengenalan	43
3.2 Reka Bentuk Kajian	43

3.3	Kaedah Kajian	43
3.3.1	Sampel	44
3.3.2	Bahan Kajian	44
3.3.3	Prosedur	45
3.3.4	Analisis	45
3.4	Kerangka Teori	48
3.5	Kerangka Konseptual	52
3.6	Kesimpulan	53
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>54</b>
4.1	Pengenalan	54
4.1.1	Penyesuaian Teori Kohesi dalam Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu	54
4.2	Pengenalpastian Jenis Kohesi dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	56
4.2.1	Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Rujukan dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	56
4.2.2	Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penghubung dalam Novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	59
4.2.3	Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penggantian dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	61
4.2.4	Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	63
4.2.5	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	65
4.2.6	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal Kolokasi dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	65
4.2.7	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal Kolokasi dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	67
4.2.8	Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan dalam Novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	68
4.3	Perbandingan Jenis Kohesi dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	69
4.3.1	Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '	69
4.3.2	Perbandingan Jenis Kohesi Leksikal dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '	72
4.4	Penjelasan Rasional Pengaliran Unsur Kohesi dalam Novel ' <i>Akal vil:akku</i> '.	74
4.4.1	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Rujukan Personal atau Kata Ganti Nama Diri	75
4.4.2	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Rujukan Demonstratif	76
4.4.3	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif	76
4.4.4	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghubung Penambah	77

4.4.5	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghubung Musabab	78
4.4.6	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghubung Berlawanan	78
4.4.7	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghubung Tempoh/Masa	79
4.4.8	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penggantian Namaan	80
4.4.9	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penggantian Kerjaan	80
4.4.10	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penggantian Klausa	81
4.4.11	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan Namaan	82
4.4.12	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan Kerjaan	82
4.4.13	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan Klausa	83
4.4.14	Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Perulangan Kata	85
4.4.15	Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Sinonim atau Hampir Sinonim	86
4.4.16	Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Kata Superordinat	87
4.4.17	Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal Kolokasi Kata Berkaitan	88
4.4.18	Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal Kolokasi Kata Berlawanan	89
4.5	Kesimpulan	89
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>90</b>
5.1	Pengenalan	90
5.2	Kesimpulan	90
5.2.1	Rasional Pemilihan Teori dalam Dapatan Kajian	90
5.2.2	Kehadiran Jenis Kohesi dalam Kajian	91
5.2.3	Perbandingan Kekerapan Jenis Kohesi dalam Kajian	91
5.2.4	Rasional Pengaliran Unsur Kohesi dalam Kajian	92
5.3	Implikasi Kajian	94
5.4	Kebaharuan	94
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	94
5.6	Penutup	95
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>96</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>103</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Rujukan dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	48
3.2 Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara keseluruhan dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	48
3.3 Analisis Perbandingan Jenis Kohesi dalam novel ' <i>Akal vil:akku</i> '	48
4.1 Jadual Penyesuaian istilah dalam Teori Kohesi (Halliday dan Hasan,1976)	55
4.2 Kata Ganti Nama Diri Pertama	56
4.3 Kata Ganti Nama Diri Kedua	57
4.4 Kata Ganti Nama Diri Ketiga	57
4.5 Kata Ganti Nama Demonstratif	58
4.6 Kata Ganti Nama Komparatif	58
4.7 Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Rujukan dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	59
4.8 Kohesi Penghubung dalam bahasa Tamil	60
4.9 Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penghubung dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	61
4.10 Kohesi Nahuan Penggantian dalam bahasa Tamil	62
4.11 Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penggantian dalam Novel Tamil 'Akal vil:akku'	63
4.12 Kohesi Nahuan Penghilangan dalam bahasa Tamil	64
4.13 Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	64
4.14 Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal dalam bahasa Tamil	65
4.15 Kohesi Leksikal Kolokasi dalam bahasa Tamil	65



4.16	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal Penyataan Semula Leksikal dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	66
4.17	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal Kolokasi dalam novel Tamil 'Akal vil:akku'	67
4.18	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara keseluruhan dalam Novel Tamil 'Akal vil:akku'	68
4.19	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi dalam novel 'Akal vil:akku'	69
4.20	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan dalam novel 'Akal vil:akku'	69
4.21	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan Rujukan dalam novel 'Akal vil:akku'	70
4.22	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan Penghubung dalam novel 'Akal vil:akku'	71
4.23	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan Penggantian dalam novel 'Akal vil:akku'	71
4.24	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi Nahuan Penghilangan Dalam novel 'Akal vil:akku'	72
4.25	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi leksikal dalam Novel 'Akal vil:akku'	73
4.26	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi leksikal Penyataan Semula Leksikal dalam novel 'Akal vil:akku'	73
4.27	Analisis Perbandingan Jenis Kohesi leksikal kolokasi dalam novel 'Akal vil:akku'	74
4.28	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Rujukan Personal	75
4.29	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Rujukan Demonstratif	76
4.30	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif	76
4.31	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghubung Penambah	77
4.32	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghubung Musabab	78
4.33	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghubung Berlawanan	78
4.34	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghubung Tempoh/Masa	79

4.35	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penggantian Namaan	80
4.36	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penggantian Kerjaan	80
4.37	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penggantian Klausa	81
4.38	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghilangan Namaan	82
4.39	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghilangan Kerjaan	82
4.40	Analisis Pengaliran Kohesi Nahuan Penghilangan Klausa	83
4.41	Analisis Pengaliran Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Perulangan Kata	85
4.42	Analisis Pengaliran Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Sinonim atau Hampir Sinonim	86
4.43	Analisis Pengaliran Kohesi Leksikal Pernyataan Semula Leksikal Kata Superordinat	87
4.44	Analisis Pengaliran Kohesi Leksikal Kolokasi Kata Berkaitan	88
4.45	Analisis Pengaliran Kohesi Leksikal Kolokasi Kata Berlawanan	89

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 Jenis Kohesi	49
3.2 Teori Kohesi Halliday & Hasan	51
3.3 Kerangka Konseptual	52



## SENARAI SINGKATAN

### SENARAI FONEM TAMIL DENGAN GRAFEMNYA TAMIL CULTURE TRANSLITERATION FORMAT

#### Vokal

a	-	அ
a:	-	ஆ
i	-	இ
i:	-	ஈ
u	-	உ
u:	-	ஊ
e	-	எ
e:	-	ஏ
ai	-	ஐ
O	-	ஓ
O:	-	ஔ
au	-	ஔ

#### Konsonan

k	-	க்
c	-	ச்
t	-	ட்
th	-	த்
p	-	ப்
r:	-	ற்

y	-	ய்
r	-	ர்
l	-	ல்
v	-	வ்
l-	-	ழ்
l:	-	ள்

ng	-	ங்
nj	-	ஞ்
n:	-	ண்
nh	-	ந்
m	-	ம்
n	-	ன்

Sumber : Perpustakaan Jabatan Pengajian India,  
Universiti Malaya.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pengenalan yang mengandungi latar belakang kajian, dan sejarah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan permasalahan, persoalan dan objektif kajian yang bersangkutan paut dengan penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, bab ini juga membincangkan kepentingan kajian yang memberikan manfaat kepada pelbagai pihak, dan batasan kajian dengan justifikasi pemilihan bahan atau kajian. Kajian ini berdasarkan kajian wacana yang dianalisis mengikut proses linguistik. Dalam pada itu, kajian analisis wacana menjadi tulang belakang kepada kajian ini dengan pelbagai adunan perungkai ciri linguistik.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Bab ini menghuraikan latar belakang yang merupakan asas dalam kajian tentang wacana berbentuk narasi, iaitu novel. Novel yang dikaji ialah novel berbahasa Tamil berjudul '*Akal vil:akku*' yang sedang digunakan dalam Sukatan Pelajaran subjek Kesusasteraan Tamil untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Analisis wacana merupakan kajian ilmu tentang bahasa secara keseluruhannya dalam bidang linguistik. Kajian ini merungkai proses pembinaan sesuatu teks, iaitu cara bagaimana sesuatu teks itu dibina daripada setiap unsur bahasa. Analisis wacana dalam bahasa Inggeris dipadankan dengan istilah '*discourse analysis*' mula digunakan oleh Zallig S. Harris di Amerika menerusi makalah dalam jurnal *Language* (28) pada 1952. Harris memanfaatkan teks untuk menghuraikan unsur morfem, kata, frasa, pola ayat dan taburannya dalam teks (Idris 2010).

Tannen (1989) pula menyifatkan analisis wacana sebagai kajian tentang bahasa yang benar-benar digunakan, dan menyelidik untuk apa bahasa itu digunakan. Dalam pada itu, Fairclough Fairclough Fairclough (2003) mengatakan bahawa analisis wacana bukan sekadar analisis teks, tetapi analisis 'ayunan' yang berfokuskan teks khusus, dan susunan wacana yang dibentuk untuk praktis sosial. Maka, kebanyakan ahli dalam bidang linguistik mendefinisikan analisis teks merujuk kepada sistem bahasa yang berteraskan teks tersebut. Analisis sistem bahasa yang dimaksudkan, merujuk kepada penghuraian aspek bunyi, kata, frasa, ayat, dan struktur teks atau wacana. Analisis teks bersifat analisis menegak terhadap wacana atau teks, manakala

analisis wacana pula memerihalkan sistem bahasa dan menghuraikan mengapa bahasa digunakan demikian.

Istilah 'analisis' digunakan untuk analisis wacana kerana analisis wacana memfokus kepada proses pencerakinan secara eksplisit. Analisis kimia memecahkan atau menghuraikan kandungan bahan mengikut unsurnya. Begitu juga dengan analisis wacana, merupakan kaedah yang digunakan dalam mencerakin dan menjawab pelbagai bentuk persoalan dalam disiplin linguistik.

### **1.2.1 Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil**

Menurut Agasthalinggam (2007), pada pendapat ahli linguistik, terdapat lebih 7000 bahasa di dunia. Namun, cuma lebih kurang separuh atau 3000 bahasa mempunyai nilai tatabahasa, dan nilai sastera tersendiri. Dalam pada itu, hanya 250 hingga 300 bahasa dipertuturkan dalam kalangan masyarakat dunia. UNESCO, salah satu cabang PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Sedunia) telah mengenal pasti dan mengisytiharkan bahawa hanya enam bahasa yang mempunyai sejarah wujudannya lebih 2000 tahun atau bahasa klasik. Mustaffa (2007) mengatakan bahawa enam bahasa tersebut ialah bahasa Tamil, Latin, Sankrit, Greek, Cina dan Hibru. Namun, bahasa Latin dan bahasa Hibru tidak lagi digunakan, dan dianggap sebagai bahasa mati. Bahasa Sanskrit pula tidak digunakan sebagai bahasa perbualan harian dan hanya digunakan sewaktu upacara keagamaan Hindu. Maka, daripada enam bahasa tersebut, cuma bahasa Tamil dan bahasa Cina kekal dan dipertuturkan di serata dunia sehingga kini.

Bahasa amat penting sebagai alat komunikasi atau perhubungan sosial antara manusia dalam kehidupan harian (Asmah, 1986). Menurut Parantamanaar (2010), bahasa Tamil merupakan bahasa tertua dunia. Ini turut dibuktikan dengan penemuan sebuah karya puisi nahu tatabahasa berbahasa Tamil, '*Tolkappiyam*' dipercayai dihasilkan pada 500 Masihi. Ahli linguistik berpendapat bahawa seharusnya setelah sesuatu bahasa sudah wujud selama 1000 tahun, baru teori kerangka tatabahasa dihasilkan. Selain itu, '*Puranaanuru*', '*Tirukural*', '*Pattu pattu*', dan '*ettutogai*' merupakan antara karya sastera bahasa Tamil teragung yang terhasil pada kurun ke-10 hingga 15, membuktikan fakta bahawa bahasa Tamil sebagai bahasa klasik.

### **1.2.2 Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia**

Menurut Supramani (2007), pendidikan bahasa Tamil di Malaysia bermula sejak 1816 lagi apabila bahasa Tamil mula diajar di sebuah sekolah di Pulau Pinang, iaitu Penang Free School. Namun, kelas bahasa Tamil terpaksa ditutup akibat sambutan yang kurang menggalakkan. Bagaimanapun,

pendidikan Tamil turut berkembang dengan pesat di Malaya. Pada 1850, sebuah sekolah Tamil dibina di Melaka dan di Sentul, Kuala Lumpur (Dhandayutham, 1982). Sejak kurun ke-19, pendidikan Tamil pesat berkembang di Malaya kerana banyak pekerja dari India dibawa masuk oleh British ke ladang-ladang teh, tebu, kopi, getah dan kelapa. Maka, wujudlah beberapa sekolah Tamil di Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Johor dan di Seberang Perai. Kesemua sekolah tersebut dibiayai oleh pengurusan ladang dan sukatan pelajaran yang digunakan berasaskan negara India dengan tenaga pengajarnya juga dibawa dari India (Supramani, 2007).

Namun, setelah Malaya mendapat kemerdekaan pada 1957, pendidikan bahasa Tamil mula mengalami perubahan besar. Sukatan pelajaran bahasa Tamil digubal bersesuaian dengan Malaysia. Tenaga pengajarnya dilatih di maktab perguruan tempatan. Kini, enam daripada 27 buah maktab perguruan di Malaysia menawarkan kursus perguruan pengajian Tamil (Krishnan, 2010). Bahasa Tamil turut diajar di sekolah menengah, bermula di tingkatan Peralihan hingga tingkatan Enam. Selain itu, subjek Kesusasteraan Tamil turut ditawarkan sebagai elektif di menengah atas. Pada peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam, Universiti Malaya turut menawarkan pendidikan Tamil di dua buah Fakulti, iaitu di Fakulti Bahasa dan Linguistik, dan Fakulti Sains Sosial dan Sastera. Di Universiti Putra Malaysia, bahasa Tamil turut diajarkan sebagai kursus elektif (Supramani, 2007).

### **1.2.3 Sejarah Perkembangan Novel Tamil di Malaysia**

Menurut Paccaibalan (2016), perkataan novel dalam bahasa Tamil dikenal sebagai '*puthinam*' atau cerita panjang. Perkataan novel ini berasal daripada perkataan 'novella' yang merupakan bahasa Itali. Pada dasarnya, novel dihasilkan dengan cerita atau imaginasi seseorang penulis yang mengisahkan sesuatu perkara mengikut judul dan tema kisahnya secara sedalam yang boleh dilakukan.

Penulisan novel dalam bahasa Tamil mula berkembang di Malaya pada awal abad ke-20. Maka, terhasilnya novel pertama berjudul '*Karunakaran Allathu Kathalin Machi*' di Malaysia. Ia ditulis oleh K. Vengadaratnam pada 1917 (Uthaya Shankar, 2010). Pada sekitar 1916 sehingga 1938, sebanyak 25 buah novel telah berjaya diterbitkan di Malaysia. Semua novel tersebut mengisahkan plot cerita negara India dan Sri Lanka. Plot ceritanya tentang latar tempat, masa dan masyarakat kedua-dua negara tersebut (Sababathy, 2007). Ini kerana konsep penulisan novel ini turut dibawa apabila penghijraan masyarakat India ke Malaya semasa pemerintahan British. Konsep penulisan novel di India pula dibawa ketika pemerintahan British di India (Sababathy, 1997).



Selepas kemerdekaan Malaya, konsep plot cerita novel Tamil banyak mengalami perubahan. Ini termasuklah perubahan dalam pengisahan tentang latar tempat dan latar masyarakat. Novel pada masa tersebut, sudah mula menceritakan kejayaan dan kekalahan masyarakat. Antara novel Tamil tempatan yang mencuit pembaca adalah seperti '*Thiyarapathai*'(1958), '*Elachia Payanam*'(1972), '*Maravalli Kizhangu*'(1979) dan '*Payananggal Mudivatillai*' (1988). Sebanyak 27 buah novel diterbitkan sekitar 1980 sehingga 1990. Manakala, 43 buah novel berjaya diterbitkan antara 1990 hingga 1992. Ini menunjukkan tanda kegemilangan dalam perkembangan novel Tamil. Namun, tiada sebarang novel diterbitkan pada beberapa tahun kemudian, iaitu pada 1996, 2003 dan 2004 (Sababathy, 2007).

Perkembangan Penulisan dalam novel Tamil di Malaysia didorong oleh beberapa organisasi bukan kerajaan. Antaranya ialah Persatuan Penulis Tamil Malaysia, Stesen Penyiaran Televisyen Satelite Malaysia (ASTRO), dan sebagainya. Badan tersebut biasanya mengadakan pertandingan mengarang cerpen dan novel, dan turut mendapat sambutan daripada penulis muda dan penulis veteran. Antara penulis novel Tamil yang popular di Malaysia ialah Re. Karhikesu, Pa. Chandrakantham, Ma. Ramaiyah, C. Muthusamy, A. Rengasamy, R. Shanmugam, A. Rengasamy, Ma. Ramakrishnan, Na.Ah. Senguttavan dan Ko. Punniavan (Paccaibalan, 2016). Selain mengadakan pertandingan menulis cerpen dan novel, badan bukan kerajaan tersebut juga mengadakan bengkel penulisan cerpen dan novel. Ini merupakan salah satu faktor dorongan kepada para penulis untuk terus mencatat nama sebagai penulis (Krishnan.R, 2010).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini diteruskan berasaskan masalah yang telah dikenal pasti yang sememangnya mendorong kepada penyelidikan ini. Laporan analisis keputusan peperiksaan SPM 2017, 2018 dan 2019 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa calon yang berdaftar mata pelajaran Kesusasteraan Tamil dalam SPM telah berkurang. Sebanyak 3015 calon mendaftar untuk subjek tersebut pada 2017, sebanyak 2799 calon pada 2018, dan sebanyak 2800 calon pada 2019. Permasalahan ini dihangatkan lagi oleh kenyataan dalam 'Kaanamal Pogum Maanavargel' oleh Na. Paccaibalan, 2015 bahawa bilangan calon yang mendaftar mata pelajaran Kesusasteraan Tamil sangat mendukacitakan. Dalam pada itu, novel '*Akal vil:akku*' dipilih untuk kajian ini merupakan salah satu komponen utama dalam subjek Kesusasteraan Tamil untuk peperiksaan SPM bermula 2016 sehingga 2021 yang memperuntukkan wajaran markah sebanyak 35% (Ilakiyagam, 2020). Maka, keadaan ini mendorong pengkaji untuk menyelidik novel Tamil '*Akal vil:akku*'.



Hasil daripada penelitian seterusnya, pengkaji mendapati bahawa Na. Paccaibalan (2019) mengatakan bahawa murid mempunyai tanggapan, pembelajaran Kesusasteraan Tamil adalah sangat susah. Murid perlu membaca dan memahami serta memindahkan idea dalam teks novel ini kepada bentuk jawapan untuk soalan esei yang dikemukakan dalam peperiksaan. Lebih-lebih lagi, novel yang dikarang pada 1958 di India dengan laras bahasa daripada Profesor tersohor India, Dr. Mu. Va tersebut kemungkinan besar menjadi cabaran dalam pemahaman dan penterjemahan atau pemindaan idea pelajar kita dalam menjawab soalan. Rentetan itu, pengkaji mendapati bahawa Ganesan.S (2015) membuat kajian *Kohesi Nahan dan Leksikal dalam Novel 'Ilatchia Payanam'* dan Mohd. Azidan Abdul Jabar (2010) mengkaji tentang *Ketekstualan Novel Al- Sahab al- Ahmar menerusi analisis kohesi*. Sebelum itu, pada 2003, beliau juga pernah mengkaji *Kohesi Wacana dalam Bahasa Arab: Satu Kajian terhadap Novel Al- Sahab al- Ahmar*. Ini jelas menunjukkan bahawa kajian kohesi dalam novel pernah dibuat untuk melihat kehadiran unsur perpautan teks. Maka, perkara ini merangsang pengkaji membuat kajian kohesi dalam novel Tamil '*Akal vil:akku*'. Hal ini menjurus kepada objektif pertama kajian ini, iaitu mengenal pasti jenis kohesi dalam novel '*Akal vil:akku*'.

Selain itu, Na. Paccaibalan (2019) mendapati bahawa kemahiran bacaan, pengalaman, latihan menulis yang diperoleh menerusi mata pelajaran Kesusasteraan Tamil oleh murid akan memperkembangkan perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa golongan tersebut, dan seterusnya ini membantu murid dalam mencapai keputusan cemerlang dalam kedua-dua mata pelajaran Bahasa Tamil dan Kesusasteraan Tamil. Pengkaji juga berpendapat bahawa membuat kajian tentang ciri kohesi dalam novel ini akan memberikan kesignifikanan positif murid terhadap pemahaman teks dalam novel kajian ini. Tambahan pula, pengkaji mendapati bahawa mengkaji aspek kohesi dalam novel ini ialah satu keperluan kini. Ini kerana Mannar Mannan (1995) mendapati bahawa masih terdapat kelemahan yang ketara dalam karangan guru pelatih. Mereka seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas dalam penghasilan ayat yang kohesif dengan unsur tautan yang bermakna. Maka, pengkaji membuat keputusan untuk mengkaji gelagat unsur tautan atau kohesi dalam novel Tamil '*Akal vil:akku*'. Persoalan ini akan mendorong pengkaji ini untuk menetapkan objektif kedua dan ketiga kajian ini, iaitu membandingkan jenis kohesi yang dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*' dan menjelaskan rasional pengaliran tersebut.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Setelah permasalahan kajian ini dirungkai, kini timbul beberapa persoalan tentang kajian ini. Persoalan tersebut adalah seperti yang berikut:

- i) Apakah jenis kohesi yang dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*'?

- ii) Apakah perbandingan antara jenis kohesi yang dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*'?
- iii) Sejauhmanakah rasional unsur kohesi dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*'?

## 1.5 Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan di atas, pengkaji menetapkan beberapa objektif seperti yang berikut:

- i) Mengetahui jenis kohesi dalam novel '*Akal vil:akku*'.
- ii) Membandingkan jenis kohesi yang dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*'.
- iii) Menjelaskan rasional unsur kohesi dialirkan dalam novel '*Akal vil:akku*'?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana memberikan definisi tentang konsep kohesi secara tuntas dan menghuraikan, membicarakan dan menyimpulkan secara keseluruhan tentang teori Kohesi Halliday & Hasan (1976). Maka, kajian ini akan bermanfaat kepada beberapa individu, seperti pengkaji masa depan dalam analisis wacana, pelajar sekolah, kolej dan universiti, penulis atau pengarang novel dan guru sastera atau pensyarah. Organisasi seperti Persatuan Penulis Tamil dan Persatuan Guru Sastera Tamil juga akan mendapat kepentingan masing-masing melalui kajian ini.

### 1.6.1 Persatuan Penulis Tamil Malaysia

Pertama, Persatuan Penulis Tamil Malaysia dan Persatuan Guru Sastera Tamil juga akan menikmati faedah di sebalik kajian ini. Ini kerana kajian analisis wacana masih baharu dalam bidang linguistik bahasa Tamil (Shanmugam, 2002). Kedua-dua organisasi tersebut boleh mempergiat penghasilan wacana dalam bidang ini dengan berpandukan kajian ini. Organisasi tersebut juga boleh mengadakan bengkel mengarang novel atau wacana, dengan menggunakan ilmu kohesi kepada ahli persatuan. Tambahan lagi ahli persatuan penulis biasanya terlibat dalam pertandingan menulis novel, cerpen, dan sebagainya. Maka, kajian ini dapat digunakan sebagai persediaan dalam pengolahan idea baharu cara pembinaan teks wacana mereka.

### **1.6.2 Murid Sekolah, Kolej dan Universiti**

Murid sekolah dapat memperbaiki kelemahan mengarang dan menghasilkan esei yang baik. Selain itu, pelajar di kolej dan universiti juga akan mendapat manfaat daripada hasil kajian ini. Sememangnya mereka yang mendapat ilmu kohesi dapat mempraktikkan cara penghasilan sesuatu wacana, seperti karangan. Melalui analisis bahasa, aspek bunyi, kata, frasa, ayat dan struktur teks atau wacana dapat diketengahkan (Idris, 2010). Pelajar Kesusasteraan Tamil juga turut mendapat faedah kerana data kajian ini ialah novel yang sedang digunakan dalam sukatan pelajaran kini. Mereka, dapat menghasilkan karangan yang kohesif dengan memaparkan jawapan dalam bentuk wacana yang jelas dan ideal.

### **1.6.3 Penulis atau Pengarang Novel**

Seterusnya, kajian ini bermanfaat kepada penulis atau pengarang novel dalam meningkatkan ilmu mengarang. Sememangnya, sesuatu bentuk organisasi teks merupakan hasil pengelolaan idea dan juga rasionalisasi di sebalik penghasilannya (Asmah, 2009). Penulis atau pengarang novel perlu mempunyai idea penghasilan teks dalam bentuk wacana novel supaya mesej yang ingin disampaikan kepada pembaca mudah diterima. Kajian ini dapat dimanfaatkan untuk menghasilkan satu karya yang menyenangkan pembaca dalam meneruskan pembacaannya. Ini kerana, penyatuan idea atau isi ayat yang dibina dengan unsur kohesi atau kohesi yang sangat sesuai dan membantu membawa isi ayat yang sangat betul.

### **1.6.4 Pengkaji Masa Depan**

Individu yang boleh mendapat manfaat daripada kajian ini ialah pengkaji masa depan dalam bidang analisis wacana atau mereka yang mengkaji dalam bidang wacana novel Tamil atau pengkaji yang ingin mempelopori konsep kohesi. Ini kerana, kajian ini mengetengahkan alatan nahuan dan alatan leksikal daripada teori Kohesi. Kedua-dua alatan kohesi perlu dikuasai oleh seseorang pengkaji sebelum memulakan kajian berkaitan Kohesi. Selain itu, pengkaji masa depan mendapat idea baharu untuk menjalankan kajiannya setelah mempelopori kajian ini.

## **1.7 Batasan Kajian**

Pengkaji memilih novel '*Akal vil:akku*' sebagai data kajian kerana rasional utama, novel ini sedang digunakan sebagai salah satu komponen dalam Sukatan Pelajaran subjek Kesusasteraan Tamil Sekolah Menengah dalam tempoh 2016-2021. Maka, data kajian adalah terhad kepada novel Tamil '*Akal*

*vil:akku*'. Selain itu, murid -murid menghasilkan jawapan esei atau karangan setelah membaca dan memahami jalan cerita dalam novel ini. Ini turut membantu mereka memahami keperluan unsur kohesi dalam membina teks seperti novel.

Novel ini mengandungi 27 bab dengan 412 halaman muka surat dan ratusan perenggan yang dikarang mengikut isi untuk setiap bab. Maka, pengkaji mengkaji semua bab dalam novel ini, Ada juga rasional di sebalik pemfokusan ini. Ini kerana, pengkaji ingin mengkaji pengaliran unsur kohesi pada keseluruhan novel, sekali gus menampakkan kajian ini sebagai kajian novel '*Akal vil:akku*' secara keseluruhan.

Selain itu, pengkaji hanya menggunakan skemata kaedah kohesi dengan menggunakan teori Halliday & Hasan (1976). Dari segi teori, Kohesi teks ada dua jenis, iaitu Kohesi nahuan dan Kohesi leksikal. Kohesi nahuan dialirkan melalui beberapa kaedah seperti Rujukan, Penggantian, Penghilangan dan Penghubung. Manakala, Kohesi leksikal dialirkan melalui kaedah Penyataan Semula leksikal dan Leksikal Kolokasi (Idris, 2010).

Dalam menjawab objektif pertama, pengkaji akan mengenal pasti kehadiran semua kaedah kohesi seperti di atas dalam semua bab. Ini memudahkan pengkaji untuk menjawab objektif kajian yang lain.

Dalam menjawab objektif kedua, semua kaedah kohesi yang hadir akan dibandingkan dalam jadual yang sesuai supaya kekerapan dapat diperhalusi dan jelas nampak. Ini juga akan menyenangkan pengkaji untuk menjawab objektif seterusnya.

Akhirnya, untuk menjawab objektif ketiga, pengkaji akan membuat penghuraian dan kesimpulan bagaimana gelagat unsur kohesi dialirkan. Pengkaji membuat kesimpulan umum bagaimana wacana novel '*Akal vil:akku*' ini dituturkan dengan menggunakan unsur kohesi. Selain itu, persoalan yang timbul sebelum ini dapat dirungkaikan.

## **1.8 Definisi Operasional**

Kajian ini menggunakan beberapa istilah yang perlu diberikan definisi yang khas dengan ulasan supaya pembaca dapat memahami dengan senang dan mudah. Maka, pengkaji akan mengetengahkan definisi pengkaji dan definisi daripada sarjana yang lain. Justeru, kajian ini akan menjelaskan definisi wacana, kohesi dan novel.

### 1.8.1 Wacana

Istilah 'wacana' ialah padanan istilah *discourse* untuk bahasa Inggeris, *discours* dalam bahasa Perancis, *al-makalah* untuk bahasa Arab atau *tamhwa* dalam bahasa Korea (Idris, 2010). Dalam bahasa Tamil, istilah untuk wacana ialah *karutha:tal* /கருத்தாடல்/ dan *uraikovai* /உரைக்கோவை/ (Shanmugam, 2002).

Untuk van Dijk (2008), wacana merupakan proses komunikasi (Communicative event) yang mewakili pelbagai makna. Dalam Idris (2010), terdapat ramai sarjana memberikan definisi tentang wacana. Antaranya, Crystal (1992) mendefinisikan wacana sebagai regangan bahasa yang berkesinambungan (khususnya, bahasa lisan) yang lebih besar daripada ayat, kebiasaannya merupakan satu unit yang berkesatuan seperti khutbah, hujah, jenaka atau cerita. Salkie (1995), pula mendefinisikan wacana sebagai regangan bahasa yang mungkin lebih daripada satu ayat. Johnstone (2002) mendefinisikannya sebagai contoh sebenar komunikasi dalam wadah bahasa. Untuk linguis negara, Asmah (1980), wacana ialah unit bahasa melebihi batas ayat, iaitu wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku, siri buku, atau sebagainya. Pada pendapat Fairclough (2003), wacana ialah pandangan khusus tentang bahasa penggunaan untuk suatu unsur kehidupan sosial yang berkait rapat dengan unsur lain.

Idris (2010), menyimpulkan bahawa wacana ialah satuan bahasa yang lengkap yang benar-benar digunakan untuk komunikasi dan mempunyai maksud. Idris (2010) lagi menjelaskannya, ada beberapa ciri penting wacana. Ciri penting pertama ialah wacana yang melibatkan penutur dengan pendengar (wacana lisan) atau penulis dengan pembaca (wacana tulisan). Ciri penting yang kedua ialah wacana melibatkan hubungan penutur-penulis dengan masyarakat. Ciri penting ketiga ialah wacana bersifat mempunyai kesatuan maklumat dan sistematik dalam jalinan organisasinya.

Menurut Karunakaran & Subramani (2009), wacana ialah perkataan atau rangkaian perkataan atau klausa yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perlakuan, peristiwa, situasi, tempat, barang, manusia, dan sebagainya. Wacana disampaikan dalam bentuk ucapan, perbualan, bahan bacaan, karangan, novel, dan sebagainya. Menurutnya, wacana sering berubah bentuk penyampaiannya, mengikut kehendak penulis dan berdasarkan situasi penulis yang menyampaikan mesej kepada khalayak.

Setelah meneliti pandangan sarjana di atas, wacana dapat disimpulkan sebagai unsur atau unit bahasa yang melebihi ayat yang disatukan dalam bentuk bahasa yang difikirkan wajar supaya mesej dapat disampaikan secara lisan atau tulisan.



### 1.8.2 Kohesi

Mengikuti Halliday & Hasan (1976) dalam Idris (2010), Kohesi ialah satu konsep semantik, iaitu merujuk pada hubungan makna yang wujud dalam wacana dan yang menyebabkannya dikatakan wacana. Secara khusus, kohesi berkaitan ciri formal wacana. Kohesi hadir apabila interpretasi terhadap sesetengah unsur dalam wacana bergantung pada unsur yang lain.

Untuk lebih jelas, istilah 'Kohesi' boleh disamakan dengan 'anyaman' atau 'tekstur' dalam bahasa Melayu. Lazimnya, dikatakan teks atau wacana itu ialah sesuatu yang mempunyai 'tekstur'. Konsep tekstur adalah berkenaan ciri yang perlu ada untuk sesuatu itu layak dipanggil teks atau wacana dan membezakannya dengan bukan teks atau wacana.

Berikut ialah satu contoh mudah teks 'bertekstur' yang mempunyai tiga ayat.

1. [1] Bayam adalah sayuran yang popular di Malaysia, Asia Tenggara termasuk kawasan tropika Asia dan Afrika. [2] Sayuran ini ditanam secara komersial dan berbagai-bagai kultivar telah dihasilkan melalui penghibridan dan pemilihan baka. [3] Spesies yang sering ditanam ialah *Amaranthus tricolor*. (Ismail 2000)

'Sayuran ini' dalam ayat [2] dan 'spesies' dalam ayat [3] merujuk kepada bayam dalam ayat [1]. Gugusan kata 'sayuran ini' dan kata 'spesies' telah menyebabkan ketiga-tiga ayat itu 'berpautan' yang membuatkan 'idea'nya jelas, iaitu tentang 'bayam'. Oleh itu, dikatakan gugusan ayat data (1) ialah suatu teks atau wacana.

Maka, disimpulkan bahawa sesuatu teks atau wacana itu dibentuk secara utama oleh unsur 'pemaut' dan 'penyatu'. Unsur pemaut ditandai oleh alat 'Kohesi' (cohesion), manakala unsur penyatu dicirikan oleh 'kesatuan idea' (coherence) dalam wacana. Unsur 'pautan' atau 'tenunan' inilah yang sekali gus membawa kepada idea sesuatu wacana.

Dalam hal perbincangan tentang Kohesi, Halliday & Hasan (1976) mengatakan bahawa Kohesi dapat diperlihatkan dari segi dua jenis, iaitu melalui 'alatan nahuan' (grammatical device) dan melalui 'alatan leksikal' (vocabulary device). Maka, dari segi teori, Kohesi teks terbahagi kepada dua, iaitu Kohesi nahuan dan Kohesi leksikal (Idris, 2010)

### 1.8.3 Kohesi Nahuan

Menurut Idris (2010) dan Karunagaran & Subramani (2009), Kohesi nahuan dibayangkan melalui beberapa cara, yaitu rujukan (reference), penggantian (substitution), penghilangan (ellipsis), dan penghubungan (conjunction).

#### a) Rujukan (reference atau 'alagu cuttuthal' atau அலகு சுட்டுதல்/

Alatan nahuan rujukan ialah lakukan merujuk pada unsur sebelum atau selepas, yang berkaitan dengan hubungan makna. Rujukan pada unsur sebelum dinamakan rujukan anafora, manakala rujukan pada unsur selepas dinamakan rujukan katafora. Makna bayangan (dummy word) boleh ditentukan oleh apa-apa yang dikemukakan sebelum atau selepas kehadiran kata bayangan. Secara umum, kata bayangan ialah ganti nama. Melalui rujukan ini, sekali gus, ganti nama dihadiri melalui ganti nama diri, ganti nama tunjuk, ganti nama milik, ganti nama tanya dan ganti nama tak tentu.

#### b) Penggantian (substitution atau 'alagu puguttuthal' / அலகு பகுத்துதல் /

Alatan nahuan penggantian ialah pengambilan tempat sesuatu segmen kata, frasa, atau klausa oleh kata atau frasa bayangan (dummy) lain. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Pengganti berkenaan boleh daripada unsur namaan atau kerjaan.

#### c) Penghubungan (Conjunction atau 'alagu inaitthal' / அலகு இணைத்தல் /

Alatan nahuan penghubungan ialah proses pertalian ayat, klausa, frasa, atau kata dengan unsur sebelumnya. Proses ini dilakukan melalui kata penghubung. Terdapat beberapa jenis penghubung yang membantu membina wacana yang berpautan dan berkesatuan. Berikut ialah contoh kata penghubung:

- i) Penghubung Penambah (Additive),
- ii) Penghubung Berlawanan (Adversative),
- iii) Penghubung Musabab (Causal),
- iv) Penghubung Turutan (Temporal)

#### d) Penghilangan (ellipsis atau 'alagu nhl:kkuthal' / அலகு நீக்குதல் /

Penghilangan ialah proses peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat. Kewujudan asalnya dapat diramalkan melalui konteks.

Penghilangan juga dikatakan berkait rapat dengan pautan penggantian, maka ada menamakannya sebagai 'penggantian dengan zero' atau disimbolkan 'Ø' dalam analisis. Ada yang menamakannya penghilangan namaan, kerjaan dan klausa.

#### 1.8.4 Kohesi Leksikal

Kohesi leksikal ialah alatan pembina pautan yang penting kerana alatan inilah yang membawa maklumat atau idea dalam wacana. Kohesi leksikal ini melibatkan penyataan semula leksikal dan pemanfaatan leksikal berkolokasi.

##### a) Penyataan Semula Leksikal (Reiterasi)

Penyataan semula leksikal berlaku melalui tiga cara, iaitu:

- i) Penggunaan kata yang sama atau hampir sama (word repetition)
- ii) Penggunaan kata sinonim atau hampir sinonim
- iii) Penggunaan kata superordinant

##### b) Pemanfaatan leksikal berkolokasi (Kolokasi)

Kohesi melalui kolokasi dicapai melalui perkaitan semantik item leksikal yang kerap hadir secara bersama atau mempunyai makna rujukan umum yang sama atau berkait dan kata yang berlawanan.

#### 1.8.5 Novel

Istilah 'novel' berasal daripada bahasa Itali, iaitu *novella*. Dalam bahasa Yunani, ia disebut sebagai '*novellus*' dan dalam bahasa Jerman pula disebut sebagai '*novelle*'. Dalam bahasa Indonesia, istilah 'novel' digunakan sama penegertian dengan 'novella', iaitu sebuah karya prosa fiksi yang panjangnya cakupan, tidak terlalu panjang, namun juga tidak terlalu pendek. Novel merupakan karya fiksi yang menjelaskan aspek kemanusiaan yang lebih mendalam dan dihidangkan dengan halus (Nurgiyantoro, 1995).

Menurut Paccaibalan (2016), novel merupakan salah satu bentuk wacana sastera, seperti sajak, karangan, cerpen, drama dan puisi. Novel juga merupakan cerita panjang yang difikirkan dan diterbitkan dalam bentuk cetakan.

Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah (2006), novel ialah realiti kehidupan masyarakat yang ditonjolkan sebagai fenomena dan persoalan dalam karya



sastera. Maka, ungkapan 'sastera sebagai cerminan masyarakat' merupakan refleksi kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh pengarang.

## **1.9 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab ini memberikan penjelasan tentang kajian yang dijalankan. Dalam pada itu, bab ini menjelaskan beberapa perkara penting yang menjadi tulang belakang kajian ini. Perkara penting tersebut ialah permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan lain lagi. Aspek kepentingan kajian disusuli dengan batasan kajian turut diperincikan supaya menyokong penuh kajian ini. Dengan ini, bab ini turut memberikan justifikasi tentang metodologi kajian yang dijalankan dan menjelaskan perkara yang berkaitan.

Seterusnya, bab dua akan membincangkan sorotan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.

## BIBLIOGRAFI

- Agesthiolingom. (2002). *'Tamil Mozhi Amaippiyal'*. Chennai: Meiyappan Tamil Aaivakam.
- Anang Sudigdo. (2015). *Tinjauan Tekstual Dan Kontekstual Analisis Lirik Lagu Kala Cinta Menggoda Karya Guruh Soekarno Putra*. Jurnal Sasindo. Universitas Sebelas Maret Surakarta. Vol. 3 No. 1.
- Anand Kumar M, Dhanalakshmi V V Rekha R U and Soman K.P. (2010). *A Novel Data Driven Algorithm for Tamil Morphological Generator*. International Journal of Computer Applications (0975 – 8887). Tamil University Thanjavur, India. Volume 6– No.12.
- Annathurai Murugoiyah dan Mohana Dass Ramasamy. (2020). *Sejarah Perkembangan Novel Tamil Malaysia* dlm Jurnal Pengajian India. Jabatan Pengajian India. Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1980). *'Analisis Wacana (Bahagian Pertama)*. Jurnal Dewan Bahasa 24(3):11-25.
- Asmah Haji Omar. (1980). *'Pengajaran Bahasa untuk Kemahiran Berkomunikasi: pendekatan Wacana* dlm Asmah Haji Omar (Eds.). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1982). *'Language and Society In Malaysia'*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azis dan Juanda. (2017). *Kohesi Gramatikal: Kajian Keutuhan Wacana Tugas Mahasiswa Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia, Fakultas Bahasa Dan Sastra, Universitas Negeri Makassar*. Jurnal Bahasa Dan Seni, Tahun 45, Nomor 2.
- Dhandayutham, R. (1982). *Enpathirandil Tamil – Malaysiavil Tamil*. Klang: Arulmathiyam Publication.
- De Beaugrande, R.A dan W.U. Dressler. (1981). *'Introduction In Text Linguistics*. London: Longman.

- Djoko Sulaksono. (2016). *Analisis Aspek Gramatikal Dan Leksikal Iklan Kecil Dalam Surat Kabar Solopos*. Jurnal Pendidikan Bahasa Jawa, FKIP UNS.
- Dressler, Wolfgang. (1972). *'Current Trends in Text Linguistics*. Berlin: de Gruyteri.
- Edaham Ismail, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustafa, Muhd Zulkifli Ismail. (2016). *Koheren dan Kohesi Dalam Kisah Ashab Al-A`Raf*. Jurnal Kemanusiaan. Universiti Teknologi Malaysia. Vol.25, Issue 1.
- Edaham Ismail, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha Dan Muhd Zulkifli Ismail. (2017). *Pendekatan Koheren Dan Kohesi Dalam Wacana Naratif Lima Rasul Menurut Surah Al-A`Raf*. The Malaysian Journal of Islamic Sciences. Universiti Putra Malaysia. Volume 19(Special Edition).
- Endang Wiyanti, (2016). *Kajian Kohesi Gramatikal Substitusi Dan Elipsis Dalam Novel "Laskar Pelangi" Karya Andrea Hirata*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra, Volume 16. hlm.188-202
- Fairclough, N. (1992). *'Discourse And Social Change'*. London: Polity Press.
- Ganesan a/l Subramaniam, 2015. *"Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam Novel 'Ilatchia Payanam'*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Goziyah, Iin Inarotul Uyun dan Shella Fabiola. (2020). *Aspek Gramatikal dan Leksikal pada Lirik Lagu Jangan Rubah Takdirku Karya Andmesh Kamelang*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia, Vol. 6(2)
- Guru Kesusasteraan Tamil Sekolah Menengah/Ilakkiyagam (2020). *'Modul Latihan Kesusasteraan Tamil SPM'*. Tampin: Tampin Print Enterprise.
- Halliday, M.A.K. (1994). *'An Introduction to Functional Grammar (2<sup>nd</sup> ed.)*. Arnold: London.
- Halliday, M.A.K. (1961). *'Categories of the theory of grammar'*. Word, 17(3), pp.241-92.
- Halliday, M.A.K. (1962). *'The Linguistic study of literary texts'*, in H. Lunt(edu). Proceedings of the Ninth International Congress of Linguists, The Hague: 23:12, hal.63-73.
- Halliday, M.A.K, & Hassan.R. (1976). *Cohesion In English*. London: Longman.
- Halliday, M.A.K., (1987). *'Language And the Order of Nature*. Manchester: University Press. (135-154).

- Halliday, M.A.K, (1985). *'Introduction To Functional Grammar*, London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Hasnah, Muhammad Darwis, Asriani. (2018). *Pewujudan Kohesi Dan Koherensi Pada Jurnal Refleksi Guru Bahasa Indonesia Smp Di Kabupaten Maros. Jurnal Ilmu Budaya*. Universitas Hasanuddin Makassar. Volume 6, Nomor 2. <http://uthayasb.blogspot.com/2010/05/sastera-tamil-di-malaysia.html>.
- Idris Aman, 2010. *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Intan Purnama Sari, Ririn Setyorini. (2018). *Aspek Gramatikal Dan Leksikal Pada Lirik Lagu "Aku Cinta Allah" Group Band Wali*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Universitas Peradaban. Volume 1, Nomor 2.
- Jiayu Wang, Yi Zhang. (2019). *Lexical Cohesion in Research Articles*. Jurnal Linguistics and Literature Studies 7(1): 1-12
- Johnstone, B. (2002). *Discourse Analysis*. Boston: MA Blackwell Publishing.
- Karunakaran, K. dan Supramani, S. (2009). *Uraikovai- Panbum Payanum. ( Discourse- Form and Function)*, Coimbatore: Katarkutirai Pathipagam.
- Krishnan, R. (2010). *A Stylistic of Re. Khartigesu's Novels*. (PhD), Universiti Malaya, Unpublished.
- Kristiana Sinambela, Trisna Simanjuntak & Sadieli Telaumbanua. (2019). *Aspek Kohesi Gramatikal dan Leksikal pada Karangan Eksposisi Kelas X SMA Negeri 1 Laguboti Kabupaten Toba Samosir TA 2018/2019*. Jurnal Bahasa Sastra dan Pembelajaran. UNIVERSITAS AHMAD DAHLAN. Vol. 1 No. 1. Hlm 09 – 17.
- Kothandaraman, Pon. (1976). *'Modern Studies in Tamil*. Madras: Tamil Nuulagam Press.
- Kothandaraman. Pon. (1997). *'Pothu Moliyal: Arimuga Nilai (General Linguistics: An Introduction)*. Chennai: Poompozilil Publication.
- Leech, Geoffrey. (1972) *Semantics*. London: Penguins
- Linda Dwi Rahmawati. (2017). *Kohesi Dan Koherensi Wacana Pembaca Menulis Di Jawa Pos*. Artikel Skripsi Universiti Nusantara PGRI Kediri.
- Mannar.M.(1995). *An Analysis of Written Errors of Tamil Teachers Trainees*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Mariappan a/l Kattaiyan, 2013. *"Kohesi Dalam Wacana Akademik: Analisis Teks Sains Sosial dan Teks Sains Tulen"*. Tesis Sarjanamuda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Martin, J. R. (1992). *English Text: System and Structure*. Philadelphia/ Amsterdam, John Benjamins Publication.Co
- McCarthy, M. dan Carter, R, (1994). *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching*, London: Longman.
- Megarajah, T. (2020). *The Importance of the novel Uyirvaasam by Thaamaraichelvi in the History of the Australia's Tamil Novels*. In Journal of Tamil Peraaivu. Universiti Malaya.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman dan Norsimah Mat Awal. (2015). *Analisis Kohesi Wacana Sains Berdasarkan Teori Nahu Fungsian*. Jurnal Bahasa. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid 15 Bil. 1.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2003). *'Kohesi Wacana dalam Bahasa Arab: Satu Kajian terhadap Novel Al-Sahab Al-ahmer*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.Kuala Lumpur.
- Mohd Azidan Abdul Jabar & Ab. Halim Mohamad. (2017). *Ketekstualan Wacana Arab Menerusi Kaedah Kohesi*. Jurnal Al-Anwar, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 1(3). Hlm 33-50
- Muhammad Amin, Syamsudin dan Sugit Zulianto. (2016). *Kohesi dan Koherensi Dalam Artikel Ilmiah Populer Radar Sulteng*.Universitas Tadulako.Volume 4. Nomor 3, Juli. Hlm 48-56.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2000). *'Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab Melayu. Satu Analisis Ketununan teks dlm Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustaffa. (2007). Tamil Semoliyin 11 Thakuthikal. In Seeni Naina Muhamathu, *Tamil Semmozhi Sirappu Malar* (pp.37-40). Kuala Lumpur: Unggal Kural.
- Normaliza Abd Rahim, 2019. *Jom Tulis Tesis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Normasitah Binti Mat Hasan.2016. *Kohesi Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Di Sebuah Universiti Awam*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Norsyaqinah Sakala, Normaliza Abd Rahim and Hazlina Abdul Halim, (2019). *Penggunaan Kohesi Di Dalam Skrip Cerita Pendek Iklan Hari Raya Aidilfitri Di YouTube*. Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal Vol.7 No.2.

- Nurgiyantoro, Burhan. (1995). *Teori Pengkajian Fiksi*, Yogyakarta: UGM Press.
- Nur Aisyah, (2019). *Analisis Kohesi Dan Koherensi Wacana Pada Lembar Kerja Siswa Bahasa Indonesia Untuk sma/ma/smk/mak kelas xi*. Jurnal Ilmu Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Vol.4 Nomor 3, hlm 151-160.
- Oktarina Puspita Wardani. (2019). *Aspek Leksikal Dan Gramatikal Pada Lirik Lagu "Nyanyian Rindu" Ebiat G Ade*. Jurnal Bahasa, Sastra Indonesia, dan Pengajarannya. Universitas Islam Sultan Agung. Volume 2. Nomor 2. (Hlm 286-293).
- Parantamanar, A. (2010). *Nalla Tamil Ezhuta Veenduma 9<sup>th</sup> Edition*. Chennai: Alli Nilayam.
- Patchaibalan, Na, 2016. *SPM Tamil Yilakkiyam Thervuk Kalanjijyam*. Serdang: Firdaus Press Sdn.Bhd.
- Pike, Kenneth. L. & Evelyn G. Pike. 1977. *Grammatical Analysis*. Dallas: Summer Institute of Linguistics.
- Puspavalli, S, Umarani, V, Ilampuranan. K, Kartigesu, L dan Rajendram, P (2018). *'Modul Kesusasteraan Tamil SPM'*. Tampin: Tampin Print Enterprise.
- Rini Agustina. (2016). *Aspek Leksikal Dan Gramatikal Pada Lirik Lagu Jika Karya Melly Goeslow*. Jurnal Bahastra. Volume XXXVI. Nomor 1.
- Sababathy Venugopal. (2007). *Novel-Novel Tamil Malaysia Selepas 1990-an, Kesusasteraan Tamil Malaysia 2007*(pp.12-173). Kuala Lumpur: Malaysia Tamil Writers Association.
- Sababathy, V. (2018). *Amuthasurabigal Naavalil Ulladakkam - Or Aaivu*. Dlm Jurnal Pengajian India. Jabatan Pengajian India. Universiti Malaya.
- Sababathy, V. (2019). *Tonnuurugalukkupin Malaysia Tamil Naavalgal*. Dlm Jurnal Pengajian India. Jabatan Pengajian India. Universiti Malaya.
- Sanat Md. Nasir. (2002). *Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santhy, M. (2011). *Kohesi dalam Rencana Pengarang Akhbar Tamil*. Tesis Ijazah Sarjana Linguistik, Universiti Malaya.
- Seeni Naina Muhammad. (2011). *Illakkanam*. Pulau Pinang: Ungal Kural.
- Selvakumaran, S. (2021). *Ideology – In the Contemporary Sri Lankan Tamil Novels*. International Research Journal of Tamil. Government Arts College, Paramakudi, Tamil Nadu, India. Vol. 3 Iss. 1. Page 1-12.



- Seng, W. K. (1993). *Pautan dan Pembinaan dalam Teks Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal*. Jurnal Bahasa, 306-313
- Shanmugam, C. (1986). *Coherence in Bharathis's Prose*, journal of Tamil studies. Hlm. 46-63.
- Shanmugam, C. (2002). *Karuthadal-(KaruvumUruvum)*. Chennai: Manivaasagar Pathippagam.
- Sinclair, J.M dan Coulthard, R M (1975), *Towards as analysis of Discourse: The English used by Teachers and Pupils*. Oxford: Oxford University Press.
- Siti Sukriyah, Sumarlam dan Djatmika. (2018). *Kohesi Leksikal Sinonimi, Antonimi, Dan Repetisi Pada Rubrik Cerita Anak, Cerita Remaja, Dan Cerita Dewasa Dalam Surat Kabar Harian Kompas*. Jurnal Aksara. Universitas Sebelas Maret. Vol. 30 No. 2
- Stubbs, M. (1989). *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sumarlam. (2010). *Teori dan Praktik Analisis Wacana*. Sukarta: Pustaka Cakra
- Supramani. (2007). *Malaysiyavil Tamil Kalvi*. In Seeni Naina Muhamathu, *Tamil Semmozhi Sirappu Malar* (pp. 193-213). Kuala Lumpur: Unggal Kural.
- Tamer Hamed Mohamed. (2014). *Cohesion and Coherence Interrelation: An Approach to Literary Translation-Mahfouz's Trilogy*. International Journal of Linguistics. Al Obour High Institutes. Vol. 6, No. 2.
- Tamilanban.S.(2011). *Analisis Kohesi dalam Karangan bahasa Tamil Tingkatan Tiga*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Tannen, D, (1989). *Talking Voices: Repetition, Dialogue, and Imagery in Conversational Discourse*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tarigan, H. G. (1984). *Pengajaran Semantik*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, H. G. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thanaletchime.P.(2013). *Language in India: Poetical Discourse Analysis of Tamil song 'Ovvuru Puukkalumee'*, Vol. 13:7
- Thinesh Subramaniam. (2018). *Tholkaappiyar's Theory of Kalaviyal in The Novel 'Mathu'*. In Journal of Tamil Peraaivu. Indian Studies Department. Universiti Malaya.

- Van Dijk, T. A. (1977). *Text And Context: Explorations In The Semantics And Pragmatics of Discourse*. London: Longman.
- Van Dijk, T.A. (1972). *Some Aspects of Text Grammars*. The Hague: Mouton.
- Van Dijk, T. A. (2008). *Discourse and Power. Contributions to Critical Discourse Studies*. Houndsmills: Palgrave MacMillan.
- Varatharasan.Mu, (1970). '*Akal vil:akku*'. Chennai: Paari Pathipagam.
- Widdowson, H.G.(Ed.) (2007), *Discourse Analysis*, London: Oxford University Press.
- Wisnu Widiatmoko. (2015). *Analisis Kohesi dan Koherensi Wacana Berita Rubrik Nasional Di Majalah ONLINE Detik*. Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia, Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Semarang, Indonesia,
- Witte, S. & Faighley, L. (1981). *Coherence, Cohesion and Writing Quality [Electronic version]*. (College Composition and communication, 3292),189-204
- Wong Khek Seng, (1995). *Kesinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yau Cheng Yan. (2015). *Kohesi Nahuan Dalam Karangan Keperihaln Bahasa Cina Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Linguistik. Universiti Malaya.
- Yustina Dwinuryati, Andayani dan Retno Winarni. 2018. *Analisis Kohesi Gramatikal dan Leksikal pada Teks Eksposisi Siswa Kelas 10 Sekolah Menengah Atas*. Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan, Universitas Sebelas Maret. Vol. 8 No. 1. Hlm 61-69.
- Zamri Salleh. (2009). *Saranan Kohesi Rujukan*. *Pelita Bahasa*, 21(6),36-38.
- Zellig S. Harris (1952), *Discourse Analysis*, Journal Language Vol. 28, No.1(Jan-Mar.,1952), h.1-30



## BIODATA PELAJAR

Mariappan a/l Kattaiyan dari Bahau, Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Kelpin, Bahau. Selepas tamat darjah enam pada 1995, beliau meneruskan pelajaran sehingga tingkatan lima di SMK Bahau, Bahau. Beliau mendapat tempat untuk meneruskan pelajaran tingkatan enam di SMK Tuanku Muhammad, Kuala Pilah pada 2001. Setelah tiga bulan, beliau berpindah ke SMK St. Paul, Seremban untuk meneruskan pelajaran tingkatan enam sehingga hujung tahun sebelum berpindah ke SMK La Salle, Petaling Jaya, Selangor pada 2002.

Seterusnya, beliau meneruskan pengajian Diploma Perguruan di Institut Perguruan Sultan Abdul Halim (IPSAH), Sungai Petani, Kedah pada 2004 hingga 2006 dalam pengajian Tamil – Matematik. Setelah tamat, beliau ditempatkan di SJK T Masai, (Kluster Kecemerlangan), Pasir Gudang, Johor pada 2007. Setelah dua tahun, beliau berpindah ke SJK T Ladang Sungai Senarut, Batu Annam, Segamat, Johor. Pada 2010, beliau berjaya memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk pengajian Ijazah Sarjanamuda Sains Sosial dengan Kepujian (Linguistik) setelah memperolehi tajaan Cuti Belajar Separuh Gaji dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah tamat pengajian pada 2013, beliau ditempatkan semula ke SMK Pertang, Simpang Pertang, Jelebu, N. Sembilan. Pada 2017, beliau meneruskan pengajian Ijazah Sarjana / 'Masters' di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Linguistik (pengajian wacana) secara sambilan dan berjaya menamatkan pada 2021.

Selain bidang Pendidikan, beliau juga aktif dalam bidang lain. Beliau menamatkan Latihan Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) di UKM pada 2010 hingga 2013 dan mendapat pangkat Inspektor Sukarelawan Polis daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Setelah itu, beliau meneruskan perkhidmatannya selaku Inspektor Sukarelawan Polis di IPD Jempol, Negeri

Sembilan dan beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Sukarelawan Polis Daerah (KSPD) di IPD Jempol pada 2016 hingga 2018.

Beliau juga telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Astrologi secara sambilan (2010 – 2017) dan mendapat gelaran pangkat 'Sivathiru' daripada Sivasri Sivaguru Gurukkel. Beliau juga menamatkan pengajian dalam Astrologi secara sambilan pada 2021 di Artha Njana Sabai, Kuala Lumpur dan mendapat anugerah 'Astrologer' daripada institusi tersebut.

Selain itu, beliau dikurniakan anugerah Doktor Kehormat dalam bidang 'sosial service' oleh Saint Mother Teresa International University, Australia pada 2022. Beliau dikurniakan anugerah berprestif ini kerana sumbangan khidmat sosial beliau sejak umur ke-15 tahun hingga sekarang dalam pelbagai pertubuhan 'GO', 'NGO', badan berkanun dan sebagainya.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**  
**SESI AKADEMIK: \_\_\_\_\_**

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

KOHESI DALAM NOVEL TAMIL 'AKAL VIL:AKKU'

---

**NAMA PELAJAR : MARIAPPAN A/L KATTAIYAN**

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (✓)

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo dari \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]